

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : RENCANA

“DARI aku kecil sampai anak dah kahwin, masa menunggu

dekat hospital kerajaan macam itu jugalah. Tak berubah. Dari pagi membawa ke petang. Kalau kita komplek nanti kata bayar tak sampai RM5 banyak bunyi. Nak cepat pergi hospital swastalah,” kata seorang kawan yang menghidap penyakit ‘tiga serangkai’ - kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung.

Katanya, kalau dia mempunyai banyak duit, tak payah cakaplah. Tentu dia sudah lama ke hospital swasta.

Segala laporan penyakit dan perubatannya ada di hospital kerajaan. Dia mendapatkan rawatan di situ kerana kosnya amat murah. Hakikatnya, mana ada orang suka pergi hospital, kalau tak sakit.

Kadang-kadang, katanya, ‘panas telinga’ juga apabila staf hospital menyindir suruh pergi ke hospital swasta bila ada pesakit yang datang merungut lama sangat menunggu.

Pernah juga dia cuba membeli ubat yang disarankan doktor di klinik swasta dan farmasi tetapi dia terkejut kerana harganya berganda-ganda mahalunya. Jadi, tiada pilihan. Berlama-lamaanlah dia menunggu di hospital atau klinik kesihatan setiap kali ada temu janji dengan doktor.

Saya katakan kepadanya, hospital swasta pun masa menunggu sekarang ini lama juga. Ramai yang sakit ketika ini. Tetapi tidaklah dari waktu pagi di bahagian kecemasan, tengah malam baru dapat masuk wad.

Isunya di sini yang ingin saya katakan, bukan kerana rakyat tidak berterima kasih, tidak bersyukur atau hendak memperlekeh hospital kerajaan. Semua orang tahu hospital kerajaan di negara ini adalah yang paling murah caj perkhidmatannya dan mempunyai barisan doktor pakar yang terbaik.

Tetapi adakah disebabkan dengan membayar caj atau kos yang murah sebegini maka orang ramai sepatutnya redha sajalah dengan keadaan dan masa menunggu yang begitu lama? Tiada apa yang perlu berubah dari dulu hingga sekarang?

Pada masa ini, kira-kira 80 peratus daripada kira-kira 33.4 juta rakyat Malaysia terutamanya golongan B40 yang kini jumlahnya mencecah 8.7 juta orang memilih menggunakan perkhidmatan kesihatan awam sebagai saluran utama mendapatkan rawatan.

Ia bukan soal kalau hospital kerajaan tidak bagus dan teruk

Bukan tidak bersyukur, perbaikilah masa menunggu

Sultan titah selesaikan isu pesakit tunggu lama



SULTAN Sharafuddin Idris Shah melihat aktiviti pesakit berakut di Hospital Tanjung Karang di Kuala Selangor semalam. (UTUSAN / APHQ RAZALI)

Anak-anak kami kesejukan

Utusan Malaysia

Enam bulan tunggu dibedah

Malaysia kurang doktor pakar, perlu 26,000 dari 13,000 sedia ada

... (Small text snippet from the newspaper article) ...

BERITA tentang isu lama menunggu di hospital kerajaan dalam Utusan Malaysia pada Jumaat lalu.

AHAD DAH KE? FAUZIAH AROF

diatur sebulan atau dua bulan lagi. Sebab doktor ada kes kecemasan. Sedangkan, sakit itu tidak tertanggung lagi. Kelmarin akhbar *Utusan Malaysia* melaporkan pesakit kronik di negara ini terpaksa menunggu antara tiga hingga enam bulan untuk berjumpa, dirawat dan dibedah ekoran kekurangan doktor pakar yang kini hanya berjumlah 13,000 orang. Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye berkata, keadaan itu menyebabkan petunjuk prestasi utama (KPI) Kementerian Kesihatan yang menetapkan tempoh menunggu rawatan pakar antara dua hingga empat minggu gagal. Disebabkan itu, pesakit terpaksa mencari doktor di hospital swasta dan membayar kos yang mahal manakala yang tidak mampu terpaksa menunggu, pesakit tidak sempat dirawat atau dibedah meninggal dunia dulu, kata beliau. Sementara itu, Sultan

menangani bilangan pesakit yang juga kian bertambah. Ditambah pula dengan skim gaji yang tidak memberangsangkan, yang *burnout* dengan bebanan kerja lama-kelamaan mengambil keputusan berhenti kerja. Apatah lagi hospital swasta menawarkan gaji dua atau tiga kali ganda lebih tinggi berbanding hospital kerajaan. Iyalah daripada mereka ‘diperah’ teruk keringatnya dengan beban kerja yang banyak, adalah lebih baik bekerja di hospital swasta, penat pun tak mengapa kerana gajinya cukup berbaloi. Diharapkan belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 24 Februari ini akan memberikan peruntukan yang besar untuk KKM termasuk menjaga kebajikan warga kerja KKM. Sementara pula, banyak lagi boleh ditambahbaik untuk kelesaan dan kemudahan pesakit dan keluarga pesakit. Antaranya mengadakan tempat letak kereta yang lebih banyak. Bukannya kenderaan terpaksa bersidai di tepi-tepi jalan besar yang menambah kesesakan lalu lintas dan membahayakan nyawa. Dalam pada itu yang boleh difikirkan juga adalah menyediakan *hostel* atau hotel bajet untuk keluarga pesakit di kawasan berdekatan hospital. Saya rasa ini antara satu keperluan kerana kebanyakan keluarga pesakit ini tinggal jauh dari hospital dan terpaksa tidur di tempat menunggu yang sentiasa penuh atau dalam kenderaan. Apa pun, kesihatan adalah sektor paling penting diberikan tumpuan oleh kerajaan dan sentiasa memerlukan pembaikan dari semasa ke semasa. Bukan statik tanpa perubahan bertahun-tahun. Apa guna kita mempunyai mercu tanda pencakar langit yang melambangkan kemajuan negara ini secara kosmetiknya, tetapi bab-bab kesihatan kita paling ke belakang. Rakyat yang kronik sakitnya menanggung kesakitan yang lama sementara menunggu diberi rawatan dan ada yang tidak sempat, sudah meninggal dunia. Sungguh, inilah kisah benar rakyat yang amat menyediakan.

PENULIS ialah Pengarang Berita Kanan *Mingguan Malaysia*.

“**Dalam apa jua sektor awam pun, sudah tentu orang ramai mahukan pembaharuan dan penambahbaikan perkhidmatannya apatah lagi apabila ia melibatkan kesihatan. Ia adalah tentang kesakitan dan nyawa.**”

Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di majlis perasmian Hospital Tanjung Karang pada Khamis lalu bertitah, KKM perlu menambah baik kemudahan kesihatan di negeri itu terutamanya memendekkan masa menunggu pesakit.

Titah baginda, ketika ini rakyat terpaksa menunggu lama di bahagian kecemasan hospital sebelum dimasukkan ke dalam wad kerana terlalu ramai pesakit. Masa menunggu untuk rawatan lanjut dan pembedahan juga mengambil masa berbulan-bulan. Oleh itu, baginda memohon agar kelengkapan hospital dan klinik kesihatan diutamakan manakala jumlah doktor dan jururawat ditambah.

Sebelum ini juga *Utusan Malaysia* melaporkan sistem kesihatan awam semakin kritikal sehingga negara terpaksa menyaksikan seorang doktor perlu merawat 1,000 pesakit sedangkan nisbah doktor dan pesakit oleh KKM bagi tahun 2021 adalah 1:420 di sektor awam serta swasta.

Ketidakeimbangan itu mungkin lebih teruk susulan pendedahan oleh portal berita kesihatan, *Code Blue* apabila 70 peratus petugas KKM mendakwa mereka mahu berhenti kerana tidak puas hati dengan sistem penjagaan kesihatan negara.

Tentunya dengan kekurangan staff kesihatan sama ada doktor pakar, pegawai perubatan dan jururawat, kakitangan yang ada tidak meneng tangan untuk

menangani bilangan pesakit yang juga kian bertambah. Ditambah pula dengan skim gaji yang tidak memberangsangkan, yang *burnout* dengan bebanan kerja lama-kelamaan mengambil keputusan berhenti kerja. Apatah lagi hospital swasta menawarkan gaji dua atau tiga kali ganda lebih tinggi berbanding hospital kerajaan. Iyalah daripada mereka ‘diperah’ teruk keringatnya dengan beban kerja yang banyak, adalah lebih baik bekerja di hospital swasta, penat pun tak mengapa kerana gajinya cukup berbaloi. Diharapkan belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 24 Februari ini akan memberikan peruntukan yang besar untuk KKM termasuk menjaga kebajikan warga kerja KKM. Sementara pula, banyak lagi boleh ditambahbaik untuk kelesaan dan kemudahan pesakit dan keluarga pesakit. Antaranya mengadakan tempat letak kereta yang lebih banyak. Bukannya kenderaan terpaksa bersidai di tepi-tepi jalan besar yang menambah kesesakan lalu lintas dan membahayakan nyawa. Dalam pada itu yang boleh difikirkan juga adalah menyediakan *hostel* atau hotel bajet untuk keluarga pesakit di kawasan berdekatan hospital. Saya rasa ini antara satu keperluan kerana kebanyakan keluarga pesakit ini tinggal jauh dari hospital dan terpaksa tidur di tempat menunggu yang sentiasa penuh atau dalam kenderaan. Apa pun, kesihatan adalah sektor paling penting diberikan tumpuan oleh kerajaan dan sentiasa memerlukan pembaikan dari semasa ke semasa. Bukan statik tanpa perubahan bertahun-tahun. Apa guna kita mempunyai mercu tanda pencakar langit yang melambangkan kemajuan negara ini secara kosmetiknya, tetapi bab-bab kesihatan kita paling ke belakang. Rakyat yang kronik sakitnya menanggung kesakitan yang lama sementara menunggu diberi rawatan dan ada yang tidak sempat, sudah meninggal dunia. Sungguh, inilah kisah benar rakyat yang amat menyediakan.

PENULIS ialah Pengarang Berita Kanan *Mingguan Malaysia*.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

'Butiran perolehan vaksin adalah maklumat KKM'

KUALA LUMPUR – Butiran mengenai perolehan vaksin Covid-19 dibuat tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara (AGC) adalah maklumat daripada Kementerian Kesihatan (KKM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menjelaskan perkara itu berkata, butiran berkenaan kemudiannya dibentangkan kepada Jemaah Menteri sebagai maklumat.

Katanya, beliau menyerahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyiasat perkara tersebut.

"Itu serah pada badan penyiasat, SPRM dan lain-lain, bukan urusan saya lagi.

"Yang saya beri itu hanya kenyataan yang disediakan oleh KKM dan Kabinet mengambil perhatian dan kemudian badan-badan siasatan harus siasat benar atau tidak dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Skim Keselamatan

Sosial Suri Rumah dan Karnival Kerjaya MYFutureJobs di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar menyerahkan isu berhubung pemberian tender kepada menantu bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kepada pihak berkuasa bagi siasatan.

Katanya, isu berkenaan tidak akan tersebar sekiranya ia tidak benar dan mengingatkan kesemua pemimpin dalam kerajaan untuk tidak menggunakan kedudukan bagi memperoleh kekayaan.

"Jahat tidak jahat tunggu laporanlah, saya tidak fikir hal ini dihebahkan begitu rupa kalau tidak benar, ada kebenarannya. Se jauh mana dia terbabit, saya tidak tahu, itu siasatan perlu dilakukan.

"Tujuan kita nak hentikan, siapa sahaja Perdana Menteri, Menteri Kewangan atau menteri selepas ini, jangan anggap itu tempat untuk dia kayakan anak menantu dia, itu pengajarrannya," katanya.



BUTIRAN mengenai perolehan vaksin Covid-19 didakwa dibuat tanpa persetujuan Jabatan Peguam Negara (AGC). – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : NASIONAL

Restoran diarah tutup

Gara-gara gambar tikus di kaunter pandu lalu restoran makanan segera tular di media sosial

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY SHAH ALAM

Gara-gara seekor tikus muncul 'menyambut' pelanggan di kaunter pandu lalu, sebuah restoran makanan segera di Kota Kemuning di sini diarah tutup selama 14 hari sehingga 21 Februari ini.


Notis arahan penutupan premis itu dikeluarkan oleh Pejabat

Kesihatan Daerah (PKD) Klang yang turun ke lokasi selepas video tikus di kaunter pandu lalu itu tular di media sosial.

PKD Klang ke restoran berkenaan untuk membuat pemeriksaan dan mengarahkan restoran ditutup selama 14 hari bermula 8 hingga 21 Februari, mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

Tindakan dan arahan penutupan itu diambil kerana premis terbabit didapati tidak bersih sekaligus berkemungkinan mendatangkan bahaya kepada kesihatan orang ramai.

Notis arahan penutupan itu turut tular di platform media sosial seperti Twitter dan Facebook sejak beberapa hari lalu malah diulang kongsi di media sosial berkenaan.



Gambar tikus 'menyambut pelanggan' di kaunter pandu lalu sebuah restoran makanan segera tular di media sosial.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : NASIONAL



Selepas statusnya bertukar sebagai hospital pakar, lebih banyak khidmat kesihatan akan ditawarkan di Hospital Alor Gajah.

Hospital Alor Gajah bakal jadi hospital pakar

ALOR GAJAH - Hospital Alor Gajah berkemungkinan akan beralih status sebagai hospital pakar tahun ini, kata Ahli Parlimen Alor Gajah Adly Zahari.

Beliau berkata, pihaknya sudah berbincang dengan Kementerian Kesihatan dan peralihan status itu berpeluang direalisasikan pada tahun ini memandangkan masih ada beberapa perkara lagi yang perlu diperincikan.

"(Peralihan status) itu ialah sasaran kita dan saya yakin dalam tahun ini Hospital Alor Gajah akan jadi hospital pakar dan lebih banyak khidmat kesihatan akan ditawarkan," katanya ketika ditemui pemberita di Kampung Gangsa di sini pada Sabtu.

Sebelum itu, Adly yang juga Timbalan Menteri Pertahanan menyampaikan



ADLY

sumbangan kerusi roda kepada seorang penduduk di kampung itu.

Menurut beliau, Parlimen Alor Gajah akan memperkenalkan beberapa insentif kesihatan secara berfasa hujung bulan ini terutama melibatkan aspek penjagaan kesihatan merangkumi pemakanan dan kebajikan.

"Insentif ini juga tidak akan melibatkan hanya bantuan kewangan dan peralatan tetapi merangkumi khidmat nasihat. Kita juga akan menumpukan isu-isu berkaitan pemakanan seperti pemberian susu kepada anak-anak kerana ia penting bagi tumbesaran mereka," katanya.

Selain itu katanya, projek Go Medic juga akan diperluas bagi membantu pesakit dalam pelbagai aspek terutamanya logistik. - *Bernama*